



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### **MALAYSIA BEBAS JANGKITAN *PESTE DES PETITS RUMINANTS* (PPR)**

**PUTRAJAYA:** Susulan wabak penyakit *Peste Des Petits Ruminants* (PPR) yang berlaku di Vietnam baru-baru ini, pihak Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (*World Organisation for Animal Health* - WOA) telah memberi peringatan kepada semua negara ASEAN untuk lebih berhati-hati dengan meningkatkan tahap kesiapsiagaan, biosekuriti dan kesedaran tentang PPR. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius situasi ini kerana Malaysia masih bebas daripada sebarang wabak PPR dan sedang berusaha mendapatkan pengiktirafan status bebas PPR daripada WOA.

PPR ialah penyakit yang disebabkan oleh *Morbillivirus*. Penyakit ini tidak menjangkiti manusia (bukan zoonotik) namun ia memberi impak ekonomi yang besar kepada industri ternakan dan keselamatan makanan berasaskan haiwan serta boleh menggugat keterjaminan bekalan makanan. Penyakit ini menjangkiti ternakan ruminan kecil khususnya kambing dan biri-biri. Ia sangat mudah berjangkit melalui sentuhan langsung antara haiwan, atau melalui peralatan, makanan, dan pakaian yang tercemar. Kawalan penyakit ini adalah kritikal selaras dengan sasaran WOA untuk mencapai status ASEAN bebas PPR menjelang tahun 2030.

DVS ingin menasihati para penternak agar meningkatkan tahap biosekuriti ladang dengan Langkah-langkah berikut:

1. Pemeriksaan Kesihatan: Pastikan setiap ternakan baharu yang dibawa masuk mempunyai permit pemindahan yang sah dan telah diperiksa oleh Pegawai Veterinar bertauliah.
2. Elak Kemasukan Tanpa Izin: Berwaspada dengan kemasukan ternakan tanpa permit sah, terutamanya dari negara jiran.
3. Pemantauan Tanda Klinikal: Laporkan segera jika ternakan menunjukkan tanda-tanda klinikal seperti di bawah:
  - Demam tinggi mendadak ( $>40^{\circ}\text{C}$ )
  - Lelehan (discaj) mata dan hidung yang berlebihan
  - Luka atau ulser pada mulut, lidah, gusi, dan bibir

- Cirit-birit yang teruk, boleh menyebabkan dehidrasi
- Batuk dan kesukaran bernafas (pneumonia sekunder dalam kes teruk)
- Kelesuan, kurang selera makan, dan lemah badan
- Kematian boleh berlaku dalam 10 -15 hari terutamanya kambing / bebiri muda

Walaupun Malaysia tidak mengimport sebarang ternakan ruminan mahupun produk ruminan dari Vietnam pada ketika ini, DVS sentiasa memantau situasi semasa melalui pensampelan PPR di seluruh negara dan kekal komited memastikan kesihatan haiwan serta keselamatan makanan berasaskan haiwan sentiasa terpelihara demi melindungi kesihatan awam veterinar dan kesejahteraan rakyat.

DVS meminta semua pihak khususnya penternak agar sentiasa mengambil perhatian terhadap perkembangan semasa kejadian penyakit haiwan dan melaporkan segera kepada DVS Negeri berhampiran atau *hotline* 03-8870 2041 sekiranya mengesan sebarang tanda klinikal pada haiwan ternakan masing-masing.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**17 DISEMBER 2025**